

BAB V

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah luar bandar. Kajian ini dilakukan terhadap 10 orang pelajar sahaja Seramai 40% daripada mereka adalah anak petani. Tetapi 90% tinggal di kampung atau di sawah. Pendapatan keluarga 40% adalah di bawah RM500 sebulan. Oleh itu data-data yang diperolehi daripada kajian ini hanyalah tepat dalam sekolah dan persekitaran yang dikaji sahaja. Mungkin tidak tepat di sekolah dan persekitaran lain.

5.1 Jenis-jenis masalah disiplin

Terdapat 18 jenis masalah disiplin yang pernah dilakukan oleh pelajar remaja yang dikaji. Jenis masalah disiplin yang paling tinggi ialah ponteng sekolah (70%). Kemudian diikuti oleh pakaian yang tidak mengikut peraturan dan ponteng aktiviti ko-kurikulum (60 %), berambut panjang bagi lelaki, datang lewat kesekolah dan ponteng kelas (40%), berkeliaran di kawasan sekolah, lewat menghadiri perhimpunan mingguan, menghisap rokok, mengganggu pengajaran dan pembelajaran (30%), menulis surat cinta, menggunakan kata-kata dan perbuatan lucah, makan di kantin di luar waktu rehat dan menyimpan rokok (20%) dan

akhir sekali mencuri, merosakkan harta benda sekolah, menipu melibatkan wang dan ponteng perhimpunan (10%). Kesalahan disiplin tersebut juga dilakukan oleh kawan-kawan pelajar yang dikaji. Begitu juga daripada pemerhatian pengkaji sepanjang kajian ini dilakukan, didapati jenis masalah disiplin yang sering kali dilakukan oleh pelajar tingkatan empat adalah sama di atas.

Masalah ponteng sekolah, adalah jenis masalah disiplin yang paling tinggi iaitu sebanyak 70 %. Dapatan ini adalah sama dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah (1979) dan Kementerian Pendidikan (1993). Pada keseluruhannya jenis masalah disiplin yang dilakukan di sekolah ini adalah bukan salahlaku jenayah.

Punca masalah disiplin yang paling tinggi pula adalah daripada kehendak diri sendiri, ini termasuklah pelajar yang menghadapi masalah peribadi. Tetapi hanya sedikit pelajar yang menghadapi masalah peribadi yang dianggap berat suka melanggar disiplin sekolah. Sebahagiannya pula mereka menganggap telah dewasa, oleh itu mereka mula melakukan tingkahlaku seperti orang dewasa. Walaupun mereka sedar tingkahlaku itu salah, tapi mereka lakukan juga kerana tingkahlaku tersebut telah menjadi kebiasaan. Ini adalah sama dengan pendapat Gorden (1974) yang menyatakan bahawa konflik peranan menyebabkan

remaja tersebut berkelakuan seperti orang dewasa sehingga kadangkala mengabaikan akademiknya termasuklah melanggar peraturan sekolah.

5.2 Kecadaan diri pelajar

Semua pelajar yang dikaji adalah dalam keadaan sihat, iaitu tidak mengidap sebarang kecacatan fizikal atau mental. Oleh itu terdapat 70% di kalangan mereka itu yang mempunyai perasaan rasa bersalah semasa atau setelah melakukan kesalahan tersebut. Ini kerana mereka telah memahami bahawa perkara yang dilakukan itu adalah salah di sisi peraturan sekolah. Mereka yang tidak mempunyai perasaan bersalah sewaktu atau selepas melakukan kesalahan disiplin ini hanyalah 30%. Mereka berpendapat kesalahan yang mereka lakukan adalah perkara remeh dan kecil sahaja, seperti berambut panjang bagi lelaki, tidak memakai lensana dan tali leher.

Seramai 60% daripada pelajar yang dikaji adalah suka menceritakan hal mereka kepada orang lain. dan hanya 40% sahaja yang bersifat pendiam. Mereka yang betul-betul menghadapi masalah peribadi hanyalah 2 orang (20%) berbanding tidak menghadapi masalah peribadi 8 orang (80%). Seorang pelajar perempuan yang menghadapi masalah peribadi ialah sejarah hidupnya yang pernah mengalami sesi pemulihan akhlak. Ia beraanggapan sesiapa sahaja yang mengetahui sejarah hidupnya akan membencinya. Pelajar ini juga berminat dengan alam berumah

tangga. Akibatnya pelajar ini seringkali ponteng sekolah dan tidak berminat untuk belajar. Seorang pelajar lelaki juga menghadapi masalah peribadi iaitu kehidupan ibunya sebagai isteri kedua yang sering kali ditinggalkan oleh bapanya. Oleh itu terdapat juga di kalangan pelajar yang dikaji, perasaannya sering terasa terganggu iaitu seramai 30% Ini bermakna mereka menghadapi tekanan emosi. Terdapat juga yang menyatakan gangguan di sekolah seperti kedudukan kelas di tepi jalan raya utama yang bising dan bilangan pelajar dalam kelas terlalu ramai sehingga mencapai 58 orang sekelas. Tetapi seramai 70% pelajar tersebut sedar tujuan datang ke sekolah untuk belajar dan selebihnya 30% tidak mempunyai tujuan yang mantap semasa datang ke sekolah. Mereka ini suka berjumpa rakan-rakan di sekolah dan tidak perlu bersusah payah menolong keluarga di rumah. Malahan mereka amat kurang motivasi untuk belajar sehingga cemerlang.

5.3 Keadaan persekitaran

Keadaan persekitaran, termasuklah rakan pelajar sama ada di luar sekolah dan semasa bersekolah, jiran tetangga dan juga persekitaran rumah tempat tinggal pelajar. Dapatan kajian seramai 2 orang (20%) mengakui mendapat dorongan daripada rakan sebaya, 20% mendapat dorongan daripada keluarga dan 60% mengakui tiada dorongan untuk belajar, kecuali sedikit daripada guru yang perihatin di sekolah. Kebanyakannya kawan rapat sewaktu di luar sekolah ialah

rakan yang masih bersekolah (70%) dan pelajar yang berkawan rapat dengan orang yang tidak bersekolah atau sudah bekerja hanya 30%. Pelajar yang berkawan dengan orang yang tidak bersekolah ini mengakui mereka terpengaruh dengan perlakuan kawan, seperti menghisap rokok dan menyimpan rambut panjang bagi pelajar lelaki. Mereka mahukan perlakuan dan kekemasan diri mereka seperti juga orang dewasa yang telah bekerja.

Suasana persekitaran tempat tinggal pelajar 90% adalah suasana kampung, kebanyakan penduduknya adalah petani. Seramai 10% pula tinggal di pinggir pekan. Mengenai jiran tetangga pula sungguhpun kesemuanya baik, tetapi kebanyakannya tidak kisah tentang pelajaran (80%) dan hanya 20% mempunyai jiran yang perihatin dengan persekolahan dan pelajaran.

Oleh itu, persekitaran pelajar, iaitu persekitaran kampung yang kebanyakannya terdiri daripada keluarga petani dan taraf pendapatannya rendah. Ini menunjukkan pelajar ini adalah daripada kelas sosial yang rendah sering melanggar disiplin sekolah dan mempunyai masalah disiplin. Ini sama dengan pendapat Fogelman dan Richardson (1974). Begitu juga dengan jiran tetangga pelajar ini juga tidak menggalakkan untuk mereka belajar. Keluarga ini didapati tidak memberi dorongan kepada remaja untuk belajar bersungguh-sungguh. Oleh kerana tiada persaingan dalam aspek pelajaran. Maka pelajar ini akan mengalihkan

tumpuan kepada aspek selain daripada belajar, sehingga mereka juga memandang remeh terhadap disiplin sekolah dan melanggarnya.

5.4 Keadaan Keluarga

Pelajar yang dikaji berpendapat hidup bahagia bersama keluarga (80%). Hanya 20% menyatakan mereka kurang seronok tinggal di rumah kerana seringkali berlaku pergaduhan antara ibu bapanya. Keadaan ini menyebabkan pelajar ini seringkali keluar rumah untuk berjumpa dengan kawan. Ibu bapa pelajar yang dikaji kebanyakannya mengambil sikap tidak kisah terhadap pelajaran anaknya (70%). hanya 20% daripada keluarga pelajar berpendapat pelajaran ini adalah penting untuk hidup di masa depan. Pendapat itu pun dilahirkan oleh abang atau kakak mereka yang pernah bersekolah. Tetapi ibu bapa ini bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan persekolahan anak mereka. Hanya 20 % daripada pelajar yang dikaji menganggap keperluan mereka tidak mencukupi

Oleh itu kajian ini menunjukkan kebahagiaan keluarga tidaklah semestinya pelajar tidak melanggar disiplin di sekolah. Walaupun pelajar yang dikaji menyatakan bahagia, tetapi keluarga ini sebenarnya tidak mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak mereka. Malahan mereka sangat kurang memberi motivasi kepada anak mereka untuk terus belajar sehingga berjaya.

5.5 Keadaan sekolah

Daripada dapatan kajian seramai 90% pelajar yang dikaji adalah sesuai bersekolah di sekolah ini kerana sekolah ini kedudukannya paling hampir dengan rumah mereka dan semua pelajarnya terdiri daripada Kaum Melayu. Sebahagian mereka menyatakan taraf disiplin di sekolah ini adalah memuaskan. Sementara 10% menyatakan ia tidak sesuai sekolah di sini, kerana ia baru pindah ke sekolah ini atas kehendak bapanya sendiri. Selain itu kelas tingkatan empat di sini sangat berhampiran dengan jalanraya, menyebabkan terlalu bising. Bertambah bising lagi apabila bilangan pelajar terlalu ramai iaitu berjumlah 58 orang pelajar dalam kelasnya. Walaupun kelas ini sementara, tapi setelah lima minggu kelas berjalan, kelas ini masih belum dipecahkan.

Mengenai peraturan sekolah 30% memberi pendapat peraturannya agak membebankan tetapi baik. Seramai 20% pelajar pula berpendapat peraturan sekolah adalah biasa sahaja. Seramai 50% pula berpendapat peraturan yang ada di sekolah ini adalah berat dan secara ikhlas mereka menyatakan mereka tidak suka dengan sebahagian peraturan ini. Hanya 10% pelajar ini selalu terlibat dengan aktiviti ko-kurikulum. Ini pun kerana aktiviti permainan tersebut sesuai dengan minatnya. Seramai 40% pula penglibatannya dengan aktiviti ko-

kurikulum adalah sederhana. Ini kerana diwajibkan hadir, seperti latihan rumah sukan. Sementara 50% daripada pelajar yang dikaji, sepanjang tiga bulan di tingkatan empat, belum pernah terlibat dengan sebarang aktiviti ko-kurikulum. Walaupun aktiviti itu diwajibkan hadir, tetapi mereka tetap juga ponteng aktiviti.

Ini menunjukkan walaupun kebanyakan pelajar ini sesuai sekolah di sini dan mereka berpendapat pentadbiran sekolah dan guru-gurunya adalah baik. Tetapi mereka tetap juga melanggar disiplin sekolah. Terdapat juga sebahagian pelajar yang ponteng kelas kerana tidak suka sesuatu subjek. Tetapi sebahagian daripada pelajar ini tidak suka terhadap disiplin yang dianggap berat untuk mengikutinya. Manakala sebahagian daripada mereka juga tidak pernah terlibat secara aktif dengan sebarang aktiviti ko-kurikulum. Ini kerana semasa aktiviti ko-kurikulum berjalan mereka masih terasa terkongkong dengan peraturan sekolah dan masih di dalam pengawasan guru. Oleh itu mereka berusaha untuk mengelak daripada terlibat dengan sebarang aktiviti ko-kurikulum di sekolah. Mereka menganggap telah tiba masanya untuk mereka bebas tanpa sebarang kawalan. Kurangnya penglibatan sebarang aktiviti sekolah menyebabkan mereka melanggar disiplin sekolah ini, sama dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Jones dan Tanner (1981), Waysen (1982), Blair (1975) dan Jenkins (1995). Faktor sekolah yang lain yang menyebabkan pelajar tidak selesa berada di dalam bilik darjah

ialah kedudukan bilik darjah yang berhampiran dengan jalanraya dan bunyi bising serta bilangan pelajar terlalu ramai dalam kelas menyebabkan mereka tidak selesa. Dapatan ini sama dengan dapatan kajian Dunhill (1964).

5.6 Punca masalah disiplin dan pandangan terhadap taraf disiplin di sekolah sekarang

Punca masalah disiplin yang diberikan oleh pelajar yang dikaji ialah diri sendiri (40%), persekitaran, keluarga dan sekolah, masing-masing 20 % setiap satu. Antara punca diri sendiri seperti yang dinyatakan oleh pelajar ialah perasaannya rasa tertekan dan terganggu. Selain itu ia inginkan kebebasan terutama sekali mengenai pakaian dan juga kekemasan diri. Punca persekitaran pula ialah pengaruh rakan-rakan yang telah bekerja dan pengaruh media massa. Punca keluarga ialah seringkali terjadi pergaduhan antara ibu dengan bapa dan juga bapa berkahwin lebih daripada satu, menyebabkan hilang kawalan bapa kepada anaknya kerana bapa jarang balik ke rumahnya. Punca sekolah antaranya ialah seringkali dilakukan perhimpunan di dalam dewan besar dan juga terdapat pelajar yang tidak berminat untuk belajar Mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik. Ini menyebabkan mereka ponteng kelas. Selain itu, aktiviti ko-kurikulum yang diadakan di sekolah sama sahaja beberapa tahun sehingga mereka menjadi hambar untuk datang menghadiri aktiviti ko-kurikulum.

Mengenai taraf disiplin sekolah ini sekarang, 90% pelajar berpendapat disiplin di sekolah sekarang adalah memuaskan. Ini kerana sejak kebelakangan kurang pelajar yang dikenakan tindakan kerana masalah disiplin kesan daripada kawalan disiplin yang semakin ketat. Hanya 10% berpendapat taraf disiplin sekarang kurang memuaskan. Ini kerana ia berpendapat sebenarnya ramai pelajar melanggar kesalahan disiplin, tetapi oleh kerana tidak dapat dikesan oleh guru atau pihak sekolah, maka tindakan tidak dapat diambil, terutama untuk kesalahan kesalahan-kesalahan yang kecil sahaja. Ini menyebabkan ia membuat kesimpulan bahawa disiplin remaja sekolah ini sekarang masih kurang memuaskan.

5.7 Cadangan-cadangan

Sebenarnya semua pihak terlibat dalam membina disiplin pelajar, sama ada pihak keluarga, pihak sekolah, persekitaran dan lebih-lebih lagi diri pelajar itu sendiri mempunyai kemahuan untuk bertingkhaku mengikut disiplin sekolah. Disiplin pelajar terutama pelajar remaja adalah tanggungjawab bersama.

Kajian ini pada hakikatnya hanyalah satu kajian asas yang belum terperinci maklumatnya dan tiada dikaji perhubungan antara faktor tersebut. Oleh itu diharapkan ia dapat dikembangkan lagi oleh para penyelidik terutama dalam bidang Sosiologi Pendidikan dan Remaja,

pada masa akan datang. Antara tajuk kajian yang boleh dijalankan secara lebih terperinci ialah Bagaimana Pengaruh Keluarga Terhadap Disiplin Pelajar, Peranan Sekolah Sebagai Agensi Pembina Disiplin Masyarakat, Faktor Persekitaran Mempengaruhi Disiplin Pelajar Masa Kini, Faktor Diri Mempengaruhi Disiplin Pelajar, Faktor Usia Remaja Mempengaruhi Disiplin Sekolah dan banyak lagi aspek yang boleh dikaji secara terperinci.

5.8 Kesimpulan

Terdapat pelbagai masalah disiplin di kalangan pelajar remaja khususnya pelajar tingkatan empat. Punca masalah disiplin ini adalah daripada faktor keadaan diri sendiri, persekitaran, keluarga dan sekolah. Walau bagaimana pun terdapat satu faktor utama yang menimbulkan masalah ini. Antaranya ialah faktor diri sendiri termasuklah usia remaja yang menyebabkan mereka tidak sesuai dengan peraturan atau disiplin sekolah. Mengenai taraf disiplin pelajar sekolah ini pula, menurut pandangan pelajar pada keseluruhannya adalah memuaskan.